

THE ROLE OF ISLAMIC FINANCIAL PHILANTHROPY DURING COVID-19: AN OVERVIEW

PERANAN FILANTROPI KEWANGAN ISLAM DALAM MENDEPANI COVID-19: SATU TINJAUAN AWAL

M. Nasrul Hakim Roslanⁱ, Ummi Sulaim Ahmad Rashidⁱⁱ, Nadiah Zulkifleeⁱⁱⁱ & Sumaiyah Bahri^{iv}

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Pahang. nasrulkimroslan@uitm.edu.my

ⁱⁱ Calon Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. u.sulaim71@gmail.com

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. nadiahzulkiflee16@gmail.com

^{iv} Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. sumaiyah@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>On March 11, 2020, the World Health Organization (WHO) has declared that the Coronavirus virus (COVID-19) originating from Wuhan, China is a global pandemic. A pandemic is an epidemic of disease that has spread all over the world, including Malaysia. Since the emergence of the COVID-19 epidemic into society, it has not directly impacted social, educational, economic and political life in Malaysia. The huge impact on the world economy finds the entire economy of the private sector, small hawkers, and even other corporate sectors. This is to some extent annoying the typical family economy society. Therefore, this study looks at Islamic financial resources such as Zakat, Wakaf, Takaful, Hibah as a mechanism of Islamic philanthropy in helping the Muslim community to be more resilient in dealing with problems with this. This study uses a qualitatively automated library research method by looking at previous studies related to Islamic financial instruments and the impact on COVID-19. the lives of those who copy help and erode the nature of selfishness. The findings of this study are expected to provide assistance to stakeholders to further strengthen Islamic financial instruments in the face of special economic crises.</i></p> <p>Keywords: COVID-19, Pandemic, Philanthropy, Economy, Finance.</p>
Abstrak	<p><i>Pada 11 Mac 2020, World Health Organization (WHO) telah mengisytiharkan bahawa virus Coronavirus (COVID-19) yang berasal daripada Wuhan, China merupakan pandemik global. Pandemik merupakan wabak penyakit yang merebak ke serata dunia termasuk Malaysia. Sejak kemunculan wabak COVID-19 ini ke dalam masyarakat secara tidak langsung telah memberi impak kepada kehidupan sosial, pendidikan, ekonomi dan politik di Malaysia. Kesan yang besar terhadap ekonomi dunia menjejaskan keseluruhan ekonomi terutama sektor swasta, penjaja kecil, malahan sektor korporat yang lain. Hal ini sedikit sebanyak menggusarkan masyarakat terutama ekonomi kekeluargaan. Justeru itu, kajian ini melihat peranan institusi kewangan Islam seperti Zakat, Wakaf, Takaful, Hibah sebagai mekanisem filantropi Islam dalam membantu masyarakat Islam supaya lebih berdaya tahan dalam berhadapan dengan situasi genting ini. Kajian ini menggunakan pendekatan secara kualitatif iaitu</i></p>

	<p><i>kaedah penyelidikan perpustakaan dengan melihat kajian lepas berkaitan instrumen kewangan Islam serta impak daripada COVID-19. Hasil kajian, mendapati peranan kewangan Islam ini lebih kukuh dan berdaya tahan dengan konsep keadilan dan kesaksamaan serta sifat ihsan yang diterapkan dalam Islam memenuhi aspek kehidupan insan yang saling bantu membantu dan mengikis sifat ketamakan diri. Dapatan kajian ini diharap dapat memberi peranan kepada pihak berkepentingan untuk memperkasakan lagi instrumen kewangan Islam dalam mendepani krisis ekonomi khususnya.</i></p> <p>Kata kunci: COVID-19, Pandemik Filantropi, Ekonomi, Kewangan.</p>
--	---

PENDAHULUAN

Penularan wabak Coronavirus (COVID-19) telah memberi kesan yang serius terhadap ekonomi, politik, sosial, dan pendidikan. Kesan yang lebih dahsyat apabila ramai pekerja yang kehilangan kerja disebabkan ketidak mampuan syarikat menampung kos sedia disebabkan pembekuan pergerakan yang memberi kesan kepada aliran kewangan dan keuntungan. Turut terkesan dari sudut pendidikan yang mana pelajar-pelajar miskin ketinggalan dalam pelajaran disebabkan oleh pengenalan kepada sistem pembelajaran secara online yang memerlukan kos yang tinggi dan ketidakupayaan ibu bapa menyediakan platform tersebut.

Merujuk kepada statistik Laporan tinjauan tenaga buruh 2020, dalam tempoh yang singkat hampir 2.4 juta pekerja di negara ini akan hilang punca pendapatan. Bahkan berlaku peningkatan kadar pengangguran sebanyak 3.9 peratus sehingga bulan Mac 2020 berbanding 3.3 peratus pada tahun sebelumnya. Pengangguran seramai 525.2 ribu orang meningkat dan jangkaan peningkatan selepasnya akan berlaku (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Justeru, pelbagai inisiatif kawalan telah dilaksanakan secara berperingkat melalui beberapa mekanisme yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan, swasta dan masyarakat. Situasi ini menjadikan elemen filantropi atau kedermawanan dilihat mampu memainkan peranan yang tersendiri. Hal ini kerana, filantropi adalah amalan kebaikan yang dilakukan seseorang berdasarkan rasa sayang kepada orang lain. Ini membawa konteks kesediaan dan kesanggupan seseorang untuk membantu orang lain dengan memberi apa jenis bantuan terutamanya dalam bentuk kewangan.

Filantropi dalam Islam mengandungi pelbagai instrumen yang mempunyai tatacara dan fungsi tertentu yang membawa kebaikan dalam kehidupan. Ini kerana, filantropi merangkumi sumbangan dan pemberian sedekah, wakaf, zakat, hibah dan takaful yang merujuk kepada tingkah laku dermawan oleh individu, organisasi atau institusi merangkumi masa, wang, tenaga secara ikhlas tanpa sebarang paksaan (Abdul Hasbi, 2018). Amalan filantropi dalam Islam bertujuan untuk memenuhi semua tuntutan kehidupan melalui sikap tolong menolong tatkala orang lain ditimpa musibah. Amalan ini juga telah diamalkan oleh masyarakat sejak ribuan tahun dahulu (Razali, 2017)

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metode kualitatif yang melibatkan kajian perpustakaan bagi tujuan pengumpulan data. Kajian kepustakaan dilakukan bagi mengumpul data sekunder yang terdiri daripada buku, jurnal, tesis, kertas kerja, kertas prosiding, rencana dan laman web yang membincangkan berkaitan dengan peranan filantropi Islam dalam membantu dan kesiapsiagaan instrument ini terhadap masyarakat. Metode analisis kandungan digunakan dalam usaha menganalisis data dan fakta yang diperolehi. Menurut Sabitha (2005), analisis kandungan adalah proses meneliti dan menjelaskan kandungan dokumen yang dikaji secara sistematik.

IMPLIKASI COVID-19 PADA SOSIO EKONOMI

Pendapatan Isi Rumah

Menurut ketua perangkaan menerusi Berita Harian (2020) di Malaysia, klasifikasi pendapatan dibahagikan kepada tiga golongan. Kumpulan B40 terdiri daripada pendapatan bulanan bawah RM 4,850, kumpulan M40 di antara RM 4,850 hingga RM 10,959 sebulan manakala kumpulan T20 mempunyai pendapatan bulanan tertinggi sebanyak RM 10,959 ke atas. Datuk Seri Mustapa Mohamed menyatakan bahawa terdapat kira-kira 2.91 juta keluarga di Malaysia tergolong dalam kategori B40 (Sinar Harian, 2020).

PKP telah menyebabkan pergerakan untuk bekerja terbatas dan secara langsung punca pendapatan sebahagian rakyat Malaysia terjejas teruk ekoran daripada tindakan majikan memberhentikan pekerja sama ada tanpa gaji atau potongan gaji kerana operasi syarikat yang tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Laporan survey khas kesan COVID-19 kepada ekonomi dan individu telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada awal PKP telah menunjukkan majoriti pekerja tidak bersedia dalam aspek kesiapsiagaan kewangan sekiranya PKP dilanjutkan kecuali pekerja di *Government Linked Company* (GLC) dan *Multinational Corporation* (MNC).

Kajian ini dilihat 18.1% bekerja sendiri dan 28.7% mempunyai majikan sahaja yang bersedia dalam aspek simpanan kewangan. Selain itu, didapati hanya 6.2% responden kurang terkesan dari segi kewangan manakala 52.6% responden menyatakan sangat terkesan dari segi kewangan dalam tempoh PKP ini. Sabah, Kelantan dan Perlis antara negeri yang paling terkesan impak kewangan mereka dalam menghadapi PKP hasil dari survei tersebut. Ini menyebabkan keperluan hidup masyarakat terjejas yang memerlukan bantuan sokongan dari pelbagai pihak, bukan hanya bergantung bantuan daripada pihak kerajaan untuk meneruskan kehidupan serta menghadapi fenomena baru dalam kehidupan mereka.

Perbelanjaan Isi Rumah

Perbelanjaan penggunaan isi rumah adalah dinilai daripada barangan dan perkhidmatan pengguna yang diperolehi, diguna atau dibayar oleh isi rumah untuk memenuhi keperluan dan kehendak ahli isi rumah. Antara kumpulan utama perbelanjaan adalah makanan dan minuman, pakaian, kesihatan, Pendidikan, pengangkutan, komunikasi, perkhidmatan, utiliti dan sebagainya (Mohd Aqmin, 2018).

Berdasarkan laporan survei khas kesan COVID-19 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada awal PKP telah menunjukkan beberapa perubahan corak perbelanjaan isi rumah di mana aktiviti membeli bahan mentah untuk dimasak di pasar/pasar raya/kedai runcit didapati pola pembelian semasa penularan COVID-19 semakin jarang berbanding sebelum penularan COVID-19. Selain itu, pembelian produk selain makanan dilihat pola pembelian tidak pernah semasa Penularan COVID-19 sedangkan sebelum penularan COVID-19 ialah kadang-kadang dan kerap. BERNAMA melaporkan purata perbelanjaan isi rumah menurun sebanyak 55% berbanding perbelanjaan sebelum pelaksanaan PKP.

Sebelum PKP dilaksanakan, purata perbelanjaan isi rumah adalah sebanyak RM 6,317 sebulan dan telah menurun kepada RM 2,813 sebulan. Kategori utama yang menunjukkan penurunan ketara termasuklah pakaian, pengangkutan, perkhidmatan, restoran dan penyelenggaraan isi rumah. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pada makanan dan minuman dilihat meningkat kepada 44% berbanding 18% sebelum PKP dan penggunaan utiliti juga meningkat 50% kerana hampir sepanjang hari rakyat akan berada di rumah.

Perubahan tren perbelanjaan isi rumah di Malaysia berdasarkan beberapa faktor dan kekangan yang berlaku sepanjang pelaksanaan PKP. Sebahagian masyarakat yang terjejas pendapatan perlu merancang dan meneliti perbelanjaan isi rumah supaya tidak membebani diri mereka sendiri bagi menjamin kelangsungan hidup.

Isu Pengangguran

Pengangguran berlaku disebabkan penawaran kerja di sektor ekonomi tidak dapat menampung permintaan buruh di pasaran. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, hasil kaji selidik yang dilakukan oleh SME Association of Malaysia dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mendapati PKS mempunyai kekangan aliran keluar masuk tunai disebabkan oleh PKP sehingga memberi kesan yang lebih parah iaitu sebanyak satu perempat atau 2.56 juta pekerja terpaksa diberhentikan kerja kerana peningkatan kos yang tinggi tidak mampu ditampung oleh PKS.

Statistik tersebut sangat merunsingkan banyak pihak kerana akan memberi kesan yang lebih besar terhadap pembangunan ekonomi negara. Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia kadar pengangguran pada Februari 2020 meningkat kepada 3.3 peratus berbanding 3.2 peratus pada Januari 2020. Pada bulan tersebut, bilangan penganggur adalah seramai 525.2 ribu orang, naik 2.6 peratus berbanding bulan sebelumnya. Kadar pengangguran pada Februari 2020 masih tidak dipengaruhi oleh kejutan dalaman yang disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 dan telah dijangka akan memberi kesan kepada kadar pengangguran bermula Mac 2020 apabila PKP dilaksanakan.

Sehingga kini pengangguran di Malaysia meningkat kepada 772.9 ribu orang pada Disember 2020 dan 782.5 ribu orang pada Januari 2021 dalam situasi COVID-19 yang masih belum menunjukkan penurunan kes di Malaysia dan banyak sektor yang telah mengalami impak daripada pelaksanaan PKP terutama sektor perkhidmatan pelancongan dan perhotelan.

PERANAN FILANTROPI KEWANGAN ISLAM DALAM MENDEPANI COVID-19

Zakat

Zakat merupakan antara instrumen utama yang memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi umat Islam serta menjamin keadilan dan kestabilan sosial menerusi pengurangan jurang pendapatan dalam kalangan masyarakat (Patmawati, 2008). Perkara ini telah menggambarkan keistimewaan zakat itu sendiri sebagai tunjang kepada struktur sistem ekonomi Islam dalam membangunkan sosio-ekonomi masyarakat secara komprehensif. Zakat telah memainkan peranan sebagai instrumen agihan ekonomi yang seimbang bagi mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan, menyediakan kehidupan yang selesa dan sejahtera seterusnya membawa kepada pembentukan negara yang berprestij pada masa hadapan (Zarina et.al, 2012).

Institusi zakat merupakan badan paling awal telah bergerak dan mara ke hadapan dalam membantu negara menyantuni rakyat yang terjejas akibat COVID-19. Setakat ini, hampir RM200 juta bantuan zakat sudah disalurkan kepada asnaf dan golongan yang terkesan dengan wabak COVID-19 oleh institusi-institusi zakat negeri di seluruh negara sepanjang PKP (sinar harian, 2020). Antara institusi zakat terawal yang membantu menangani impak COVID-19 pada masyarakat adalah seperti MAIWP-PPZ dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).

Di Wilayah Persekutuan, Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mengumumkan peruntukan khas berikutan COVID-19 bertujuan meringankan beban mereka yang terjejas akibat PKP. Secara keseluruhan sebanyak RM25.11 juta diperuntukkan untuk Bantuan Kecemasan Zakat COVID-19 meliputi pelbagai kategori. Bantuan kecemasan ini turut disediakan untuk mereka yang terjejas pendapatan dan tidak menerima Bantuan Kewangan Bulanan MAIWP merangkumi penjaja dan peniaga kecil, pekerja dan individu yang terjejas sumber pendapatan agar dapat meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh COVID-19 (Bernama, 2020).

Selain itu golongan asnaf baharu iaitu barisan hadapan (*frontliner*) serta sumbangan peralatan pernafasan kepada tujuh hospital bernilai RM3.27 juta telah diberikan. Di samping itu juga, zakat kecemasan kepada pihak terjejas pendapatan membabitkan peruntukan bernilai RM3 juta serta bantuan topeng muka, termometer dan

cecair pembasmi kuman menerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berjumlah RM5.05 juta (Bernam, 2020)

Di Johor, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) juga telah melancarkan Bantuan Khas COVID-19. Bantuan disalurkan kepada peniaga-peniaga kecil asnaf dibawah MAIJ, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100,000 dan diagihkan kepada 200 penerima, menjadikan anggaran bantuan sebanyak RM500 seorang secara *one-off*. Bantuan ini juga bertujuan untuk meringankan beban peniaga-peniaga kecil asnaf MAIJ yang terjejas. Di Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah memperuntukkan bantuan sejumlah RM15 juta bagi membantu keperluan dan kebajikan mereka yang terjejas perniagaannya akibat Perintah Kawalan Pergerakan.

Begitu juga dengan Negeri Perak, Majlis Agama Islam dan Adar Melayu Perak memperuntukkan dana khas agihan zakat sejumlah RM11,110,000 (sinar harian, 2020). Oleh itu, sebagai institusi yang berteraskan kewangan sosial Islam iaitu institusi yang bukan bermatlamatkan keuntungan, zakat perlu lebih proaktif membantu kerajaan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan bantuan kewangan dan keperluan makanan demi kelangsungan hidup mereka.

Wakaf

Wakaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, iaitu kata terbitan dari kata kerja *waqafa*, ia mempunyai berbagai-bagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, wakaf memberi makna berhenti, menegah dan menahan (Ibn Manzur & Muhammad Ibn Mukarram 1990; Asmak Ab Rahman 2009). Wakaf merupakan satu sosioekonomi yang terbukti berkesan meningkatkan kualiti hidup dalam masyarakat. Wakaf muncul sebagai alat alternatif ekonomi Islam yang mempunyai potensi dalam meningkatkan serta menaiktaraf sosiopolitik dalam membentuk ummah (Nurrachm, 2012).

Kahf (1998) menyifatkan wakaf sebagai alat jaminan keselamatan melalui agihan serta perkongsian manfaat kepada golongan miskin setanding dengan instrumen zakat. Jelas membuktikan bahawa wakaf berperanan besar terhadap pembangunan ekonomi sosio masyarakat seperti pendidikan, kesihatan, jalan raya, rumah perlindungan dan sebagainya. Wakaf telah terbukti akan peranannya membantu serta mengangkat kehidupan ummah melalui mekanisme pengagihan semula kekayaan yang efektif untuk dilaksanakan kerana ia mengandungi elemen dan konsep kebajikan. Sebagai contoh penggunaan wakaf tunai dibentuk untuk membina institusi kemasyarakatan seperti sekolah, hospital dan rumah anak yatim (Sadeq, 2002).

Terdapat pelbagai inisiatif semasa yang dibangunkan oleh pelbagai organisasi adalah dengan mewujudkan tabung dana bagi membantu petugas barisan hadapan semasa pandemik COVID-19 seperti Tabung Musa'adah COVID-19, Tabung COVID-19 Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Mercy Malaysia lancar Bantuan Pernafasan untuk Unit Rawatan Rapi, MyCARE lancar Tabung Bantuan Kecemasan COVID-19 (Ab Rahman et al., 2020). Menurut Bakar (2020) telah mencadangkan pertama, perlunya pembuat dasar dan polisi dalam membangunkan Tabung Wakaf Negara (TWN) dalam mendepani situasi kecemasan seperti COVID-19 ini.

Dengan ini, dana wakaf bagi tujuan pembelian aset hospital boleh disalur ke hospital dengan segera. Kedua, institusi wakaf dan zakat seharusnya bergerak sealiran dalam membawa agenda umat dan negara, khususnya pada saat getir ini. Aziz et al., (2013), membahaskan bahawa wakaf tunai berpotensi dalam pengumpulan sumber dan memastikan akses sampaian dana ke tangan masyarakat. Oleh itu, kaedah ini sesuai diaplikasikan untuk menghadapi keadaan ekonomi ekoran daripada COVID-19.

Dalam kajian Ab Rahman et al. (2020) menjelaskan beberapa jenis wakaf dan kaedah pelaksanaan untuk mendepani pandemik COVID-19 iaitu pertama, Wakaf *Mu`aqqat* adalah wakaf secara bertempoh manfaatnya dan apabila tamat tempoh tersebut ia dikembalikan semula seperti mewakafkan pengangkutan dalam tempoh tertentu untuk kegunaan pengangkutan *frontliners*, Bantuan Pernafasan untuk Unit Rawatan Rapi (ICU)

bertempoh, Ventilator ICU dan lain-lain peralatan perubatan secara bertempoh; kedua, Wakaf Khas seperti Hospital Wakaf dan Tabung Wakaf Khas Kesihatan, ianya bertujuan untuk mengawal beban kesihatan dalam menangani isu serius seperti pandemik COVID-19 yang selama ini ditanggung oleh pihak hospital awam; ketiga, Wakaf Tunai sebagai mekanisme penajaan dana segera dan berkesan dalam pelbagai keadaan sama ada tenang mahupun darurat.

Sementara itu, melalui wakaf *musytarak*, peralatan sempurna dan canggih serta kos penyenggaraan boleh ditampung (Omar, 2020). Hal ini kerana, implikasi wabak ini, keutamaan isu sosioekonomi masyarakat diperlukan dalam dasar dan strategi yang dilaksanakan dalam mendepani keperluan masyarakat dan pada masa yang sama, berusaha untuk membendung ekonomi daripada kemelesetan (Mansur, 2020).

Sedekah

Sedekah merupakan satu definisi yang cukup luas dan mempunyai sifat fleksibel dari segi jumlah, bentuk material dan penerimanya serta ia berbentuk sukarela tanpa sebarang ikatan atau paksaan. Secara umumnya, MAIS mendefinisikan sedekah sebagai satu pemberian oleh seseorang kepada orang lain yang memerlukan dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT sama ada kepada fakir miskin, sanak saudara, sahabat, jiran mahupun untuk kepentingan fi sabilillah.

Menurut Islam, jika pemerintah iaitu pihak kerajaan kekurangan sumber untuk memenuhi tanggungjawab sosial yang tergolong dalam fardu kifayah terhadap rakyat, ia dapat memberi galakan dan tanggungjawab bagi seseorang individu muslim untuk membantu golongan yang berada dalam kesusahan menyumbangkan harta. Islam menjelaskan bahawa dalam mencapai kebajikan yang sempurna, menjadi suatu keperluan bagi seseorang Islam untuk menginfakkan harta melalui sedekah jariah (Nurul Adilah, 2020).

Sepanjang pandemik COVID-19, banyak pihak yang tampil sama ada dari badan kerajaan atau bukan kerajaan menyumbang dana bagi membantu meringankan beban golongan yang memerlukan. Ini dapat dilihat apabila beberapa tabung sumbangan telah dibuka dan diagihkan sumbangan daripada orang ramai sama ada dalam bentuk tunai atau barang keperluan. Hal tersebut telah membuka peluang kepada orang ramai untuk turut serta terlibat dalam aktiviti derma dan sedekah secara tidak langsung melalui perantaraan badan-badan yang berautoriti.

Malah, terdapat syarikat korporat yang bersama-sama membantu dalam memenuhi tanggungjawab sosial korporat seperti Yayasan PETRONAS telah memberi sumbangan peralatan dan peralatan perubatan bernilai RM20 juta bagi membantu hospital dan petugas barisan hadapan penjagaan kesihatan (Mahani, 2020). Maybank Malaysia Berhad juga telah menyumbangkan RM4 juta secara tunai kepada MERCY Malaysia untuk pembelian keperluan perubatan (Berita Harian, 2020). Selain itu, Perusahaan Outomobil Kedua Sdn Bhd atau lebih dikenali sebagai PERODUA tidak melepaskan peluang untuk sama-sama menyumbang sebanyak RM2 juta tunai kepada NADMA dan peralatan dalam usaha melawan wabak COVID-19 (Lizam, 2020).

Tanggungjawab individu sebagai khalifah juga menjadikan seseorang itu tidak terkecuali untuk melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan. Terdapat beberapa nama yang tidak asing di Malaysia yang bergerak secara individu dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat yang memerlukan terutama apabila wabak COVID-19 melanda negara. Antara individu yang terlibat adalah pendakwah terkenal iaitu Ebit Irawan bin Ibrahim Lew atau lebih dikenali sebagai Ebit Lew yang bergerak melalui tabung Persatuan Kasih Umat Malaysia.

Malah ramai lagi individu yang bergerak aktif dalam memberi sumbangan COVID-19 yang menjadi ikon rakyat Malaysia untuk turut sama menyumbang dana bagi menyempurnakan misi mereka seperti Raja Shamri Bin Raja Husin (Yayasan Raja Shamri), Firdaus Wong (Pertubuhan Mualaf Berbilang Bangsa), Dato' Rizalman Ibrahim dan ramai

lagi. Peranan individu dalam menghayati tanggungjawab sebagai seorang insan di muka bumi ini dapat memenuhi keperluan fardu kifayah.

Takaful

Takaful dijelaskan dalam akta takaful 1984 ialah suatu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta atau pencarum yang diperlukan dengan persetujuan peserta yang lain untuk memberi sumbangan bagi maksud itu (Ab. Aziz, 2013).

Takaful merupakan satu instrumen bertindak dalam mengawal risiko. Persatuan Insurans dan Takaful menyatakan secara amnya, risiko berkaitan pandemik tidak dilindungi di bawah mana-mana pelan insurans dan takaful di seluruh dunia. Pengecualian itu berpunca daripada kesukaran menetapkan harga untuk perlindungan berkaitan peristiwa seperti pandemik. Bagaimanapun, sebagai keperluan negara ekoran pandemik ini, maka majoriti pengendali takaful telah menyediakan manfaat tambahan termasuk langkah untuk melegakan beban kewangan pemegang polisi.

Oleh itu, industri takaful menubuhkan dana ujian COVID-19 berjumlah RM8 juta untuk bayaran ujian calitan yang dilakukan. Oleh itu, dana ini sudah dimanfaatkan lebih 6,800 pemegang polisi dan telah diperluaskan kelayakan kriteria penggunaannya (Aziz & Mohamad, 2021).

Banyak usaha pihak takaful berkaitan COVID-19 seperti pihak Prudential BSN Takaful (2021) telah menyediakan bantuan wang tunai RM1,000 jika dirawat di hospital dan manfaat kematian RM10,000 bagi kes COVID-19. Selain itu, syarikat meningkatkan dana Perlindungan Khas COVID-19 sebanyak RM1,000,000. Syarikat AIA Berhad (2021) juga komited memberi perlindungan tambahan untuk COVID-19 seperti manfaat hospital dan manfaat kematian serta penangguhan pembayaran caruman di bawah Program Bantuan COVID-19.

Manakala, antara insentif syarikat Takaful IKHLAS (2021) ialah Dana Saringan COVID-19 (CTF), Program Penangguhan Bayaran Caruman Takaful, pelancaran COVID-19 Relief iaitu manfaat elaun khas dan bantuan tunai rawatan hospital serta untuk kes kematian berjumlah RM1,000 untuk peserta takaful, RM500 untuk ahli keluarga terdekat seperti pasangan dan anak dengan had RM1,500 satu keluarga serta bayaran RM8,500 bagi kes kematian. Selain itu, dipertimbangkan perlindungan Takaful motor apabila kenderaan tidak mempunyai cukai jalan yang sah, Program COVID-19 Ikhlas Fire Takaful Relief pula memberi pengecualian khas untuk perlindungan sijil takaful kebakaran yang diperuntukkan pada premis dan kediaman yang diduduki.

Merujuk kepada kajian Salleh et al. (2021) di Malaysia, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana terdiri daripada perusahaan mikro (ME) terdedah kepada kebangkrupan, di mana ME terjejas teruk oleh MCO. Oleh itu, Pembentukan Skim Gangguan Perniagaan Mikro (MBIS) diperlukan untuk membantu semasa pandemik melalui sumbangan dana kepada MBIS sebagai perlindungan awal. Hal ini kerana, kebanyakan dana perlindungan yang disediakan oleh kerajaan tidak mempertimbangkan untuk pandemik.

Oleh itu, MBIS sangat berpotensi disamping dapat membuka pasaran baru dalam pengurusan risiko. Tambahan pula, pandemik ini telah memberi kesukaran sementara terhadap industri takaful dan perlahan-lahan pulih. Untuk mengatasi kesan itu, industri takaful telah bertindak segera dalam urusan berkaitan polisi pencarum. Pengendali takaful di Malaysia mengambil langkah praktikal untuk membantu kehidupan orang yang selamat dan memastikan ekonomi stabil. (Eldaia et al., 2021).

Disamping itu, didapati bahawa warga Malaysia semakin menyedari kepentingan takaful dengan mengambil perlindungan kerana dana takaful telah mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2020 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2019 (BNM, 2020). Ini membuktikan takaful salah satu filantropi kewangan Islam yang berperanan dalam mendepani fenomena pandemik ini.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian ini, merujuk kerangka teori rajah 1 dapat dijelaskan bahawa COVID-19 yang berlaku telah menyebabkan pihak pemerintah negara melaksanakan PKP ekoran daripada virus tersebut bersifat jangkitan yang memerlukan kawalan terhadap hubungan sosial di semua peringkat termasuk urusan bermuamalah yang akhirnya memberi impak terhadap gaya hidup masyarakat terhadap kewangan termasuk kewangan isi rumah.

Kajian ini telah menjelaskan bahawa pendapatan isi rumah terjejas kesan daripada PKP yang dilaksanakan, pihak majikan cuba mengawal ekonomi perniagaan mereka dengan melakukan potongan gaji serta pemberhentian pekerja yang akhirnya berlaku pengangguran. Oleh itu, berlakunya ketidakseimbangan diantara perbelanjaan isi rumah dan pendapatan isi rumah. Oleh itu, permasalahan kewangan yang berlaku dikalangan isi rumah menjejaskan ekonomi keseluruhannya.

Berdasarkan tinjauan awal kajian ini telah mendapati instrumen zakat, wakaf, sedekah dan takaful telah berjaya menjadi sebahagian filantropi kewangan Islam dalam mengatasi isu dan permasalahan sosioekonomi di Malaysia yang disebabkan kesan daripada pandemik COVID-19. Hal ini dapat dijelaskan bahawa zakat membolehkan dana zakat yang diperolehi diagihkan kepada asnaf zakat yang layak, manakala wakaf dapat menjadikan harta wakaf digunakan kepada masyarakat khususnya rakyat Malaysia, seterusnya dana sedekah dapat disalurkan kepada semua kelompok masyarakat tanpa mengira agama dengan mengabil kira tahap keperluan individu mahupun keluarga dan akhirnya takaful berperanan dalam membantu dan mengawal risiko seperti kos kesihatan daripada pandemik COVID-19.

Kajian ini, telah menerangkan bagaimana filantropi kewangan Islam berperanan dalam menjadikan ekonomi humanistik dalam mendepani permasalahan yang berlaku ekoran implikasi daripada pandemik COVID-19 selaras ia berperanan dalam menyeimbangkan hubungan diantara sosial dan ekonomi.



Rajah 1: Kerangka Teori Penulis

KESIMPULAN

Zakat, wakaf, sedekah dan takaful merupakan antara instrumen utama yang relevan dan mampu memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi umat Islam serta menjamin keadilan dan kestabilan sosial. Pandemik COVID-19 telah membuka mata masyarakat, kerajaan dan negara sebagai pengajaran dalam mendepani konflik ini dengan meningkatkan peranan filantropi kewangan Islam kerana jelas tinjauan awal kajian ini mendapati pelbagai bentuk, program, kaedah serta langkah proaktif yang berjaya diimplimentasikan dengan sebaiknya dalam menjadikan filantropi kewangan ini

mampu bermanfaat dan berperanan mengikut keadaan ekonomi semasa terutama dalam situasi yang sukar.

Pendekatan kewangan yang baik dapat dilihat melalui sistem kewangan tersebut mampu memberi impak positif terhadap sosioekonomi. Hal ini kerana ekonomi Islam perlu bersifat berkeadilan yang akhir membentuk sosioekonomi yang adil, saksama serta didorong sifat bersaudara dengan bantu-membantu sesama lain. Di sini jelas bahawa sifat tersebut terdapat dalam matlamat zakat, wakaf, sedekah dan takaful itu sendiri. Lantaran itu, tidak dapat dinafikan lagi filantropi kewangan Islam berperanan dalam mendepani COVID-19.

RUJUKAN

- Ab Rahman, A. 2009. *Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia*. Jurnal Syariah, 17(1), 113-152.
- Ab Rahman, M. F., Thaidi, H. A. A., Ab Rahman, A., & Ab Rahim, S. F. 2020. *Peranan Wakaf dalam Mendepani Pendemik Covid-19: The Role of Waqf in Combating Covid-19 Pandemic*. Journal of Fatwa Management and Research, 22 (Oktober), 49-64.
- Abdul Hasbi, Z. 2018. *Aplikasi Wakaf Kontemporari dalam Konteks Filantropi Islam: Kajian Persepsi Masyarakat di Indonesia dan Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziz, M. R. A. 2013. *Islamic Banking and Finance in Malaysia: System, Issues, and Challenges*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Aziz, M. R. A., Johari, F., & Yusof, M. A. 2013. *Cash Waqf Models for Financing in Education*. In The 5th Islamic Economic System Conference (iECONS2013), 835-842.
- Bank Negara Malaysia (BNM). 2020. *Tinjauan Kestabilan Kewangan 2020 Separuh Kedua 2020*. Kuala Lumpur: BNM
- Hasbullah, N. A., & Ab Rahman, A. 2020. *Peranan Pemegang Taruh dalam Menjaga Kebajikan Ekonomi Rakyat Semasa Pandemik COVID-19 dari Perspektif Ekonomi Islam: The Role of Stakeholders in Safeguarding People's Economic Welfare During the COVID-19 Pandemic from the Perspective of Islamic Economy*. The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research, 17, 71-89.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram. 1990. *Lisan Al-'Arab*. Beirut: Dar Sadr, Jil 9, hlm. 359.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. *Sekteriat dan Jawatankuasa Khas DOSM Menangani COVID-19: Statistik & Info Media*. (BDA), 54:1-49.
- Kadri, Z., Ahmad, S., Noor, M. M., & dan Pengurusan, F. E. 2012. *Zakat Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia VII, Jilid II, 1263-73.
- Kahf, M. 1999. *Financing the Development of Awqaf Property*. American Journal of Islamic Social Sciences, 16(4), 39-68.
- Nurrachmi, R. 2012. *The Implication of Cash Waqf in the Society*. AL-INFAQ, 3(2).
- Patmawati Ibrahim. 2008. *Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirik*. Jurnal Syariah, 16(2): 223-244
- Razali Othman. 2017. *Konsep Philantropi dalam Sudut Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Malaysia. Seminar Filantropi Derma - Bakti Islam: Pendekatan Korporat Dalam Konteks Wakaf.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Sadeq, A. M. 2002. *Waqf, Perpetual Charity and Poverty Alleviation*. International Journal of Social Economics, 29(1/2), 135-151.
- Salleh, F., Daud, W. N. W., & Mohd Noor, N. A. A. 2021. *A Time to Shine: How Business Interruption Micro Takaful Scheme Step Up to COVID-19 for Micro Enterprises in Malaysia*. Journal of Contemporary Issues in Business and Government, 27(2), 171-177.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi, Nor Azlina Kosnin, Nazirah Hamdan & Mohd Nasri Abdullah. 2017. *Amalan Bersedekah dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam*

Prasekolah. International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 4(3-1), 11-21.

Wahab, M. A. A., Shahiri, H. I., Mansur, M., & Zaidi, M. A. S. 2018. *Kos Sara Hidup Tinggi di Malaysia: Pertumbuhan Pendapatan Isi Rumah yang Perlahan atau Taraf Hidup yang Meningkatkan*. Jurnal Ekonomi Malaysia, 52(1), 117-133.

Internet

AIA Berhad. 2021. Perlindungan Tambahan Untuk COVID-19 Tanpa Sebarang Kos. AIA Berhad. <https://www.aia.com.my/ms/help-support/important-announcements/novel-coronavirus-extra-coverage-no-cost.html> (diakses pada 10 April 2021).

Aziz, M. A., & Mohamad, H. F. 2021. COVID-19 Tiada dalam Perlindungan Insurans, Takaful: BNM. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/785355/COVID-19-tiada-dalam-perlindungan-insurans-takaful-bnm> (diakses pada 10 April 2021).

Bakar, R. 2020. Mengangkat Wakaf Sebagai Instrumen Penting Ekonomi. Awqaf Holdings. <https://awqaf.com.my/mengangkat-wakaf-sebagai-instrumen-penting-ekonomi/> (diakses pada 14 April 2021).

Berita Harian Online. 2020. COVID-19, Maybank Sumbang RM4 Juta Dana Pandemik MERCY Malaysia. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/668388/COVID-19-maybank-sumbang-rm4-juta-dana-pandemik-mercy-malaysia> (diakses pada 8 April 2021).

Berita Harian Online. 2020. Kumpulan Isi Rumah B40, M40, T20 Terbahagi Kepada 10 Kategori. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/709371/kumpulan-isi-rumah-b40-m40-t20-terbahagi-pada-10-kategori> (diakses pada 4 April 2021).

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2021. Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia, Januari 2021. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=124&bul_id=QjdwRnBISkxBcXczLzhzbHNKVTJRQT09&menu_id=Tm8zcnRjdVRNWWlpWjRlbmtlaDk1UT09 (diakses pada 8 April 2021).

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2021. Laporan Survei Khas Kesan COVID-19 Kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 1). https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/COVID-19/Analisis_Survei_Khas_Kesan_COVID-19_Kepada_Ekonomi_dan_Individu-Laporan_Penuh.pdf (diakses pada 8 April 2021).

Lembaga Zakat Selangor (LZS). <https://www.zakatselangor.com.my/terkini/29000-penerima-bantuan-khas-COVID-19-lzs-terima-manfaat-agihan-zakat/> (diakses pada 3 April 2020).

Lizam Ridzuan. 2020. Perodua Hulus Sumbangan Tabung COVID-19. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/562097/perodua-hulus-sumbangan-tabung-COVID-19>. (diakses pada 8 April 2021).

Mahaizura Abd Malik. 2020. Ebit Lew Hantar Sumbangan ke Sabah. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/10/636239/ebit-lew-hantar-sumbangan-ke-sabah>. (diakses pada 7 April 2021).

Mahani Ishak. 2020. PETRONAS Komited Hulus Bantuan Demi Kesejahteraan Masyarakat. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/688955/petronas-komited-hulus-bantuan-demi-kesejahteraan-masyarakat> (diakses pada 8 April 2021).

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. https://www.bernama.com/bm/am/news_COVID-19.php?id=1824913. Bernama (diakses pada 3 April 2021).

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. <https://www.maiamp.gov.my/index.php/info/berita/535-skim-bantuan-modal-membantu-asnaf-menjana-pendapatan.html> (diakses pada 3 April 2021).

- Majlis Agama Islam Negeri Johor. <https://www.maij.gov.my/?p=5066>. (diakses pada 3 April 2021).
- Mansur, K. M. 2020. Institusi Wakaf Mampu Tingkat Ekonomi Pasca COVID-19. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/07/712433/institusi-wakaf-mampu-tingkat-ekonomi-pasca-COVID-19> (diakses pada 14 April 2021).
- Nailah Huda. 2020, April 8. Perbelanjaan Isi Rumah Turun 55 Peratus Sejak PKP-Kajian. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perbelanjaan-isi-rumah-turun-55-peratus-sejak-pkp-kajian-237308> (diakses pada 4 April 2021).
- Omar, I. 2020. Perangi Wabak COVID-19 Melalui Wakaf. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/04/682740/perangi-wabak-COVID-19-melalui-wakaf> (diakses pada 14 April 2021).
- Paradigma Bantuan Khas COVID-19 ZPP. <https://www.sinarharian.com.my/article/81938/BERITA/Nasional/Paradigma-bantuan-khas-COVID-19-ZPP>. Sinar Harian (diakses pada 3 April 2021).
- PPZ Bantu Peniaga Kecil Terjejas COVID-19. https://www.bernama.com/bm/am/news_COVID-19.php?id=1860459, PPZ bantu peniaga kecil terjejas COVID-19. Bernama (diakses pada 3 April 2021).
- PruBSN. 2021. Perlindungan Khas COVID-19 2021. Prudential BSN Takaful. <https://www.prubsn.com.my/ms/campaigns-announcements/covid/> (diakses pada 10 April 2021).
- Sinar Harian. 2020. Kategori B40 Akan Diperincikan Mulai 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/101250/BERITA/Nasional/Kategori-B40-akan-diperincikan-mulai-2021>. (diakses pada 4 April 2021).
- Takaful IKHLAS. 2021. Faedah Bantuan COVID-19 Takaful IKHLAS. Takaful IKHLAS. <https://www.takaful-ikhlas.com.my/ms/faedah-bantuan-COVID-19-takaful-ikhlas> (diakses pada 10 April 2021).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.